

08 SEP 1998

Mahathir-Kawalan

KAWALAN MATA WANG BERHASIL, KATA PM

BANGI, 8 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata langkah-langkah mengawal mata wang yang diumumkan minggu lepas menunjukkan hasil yang baik.

Ini terbukti dengan minat yang meningkat dalam pasaran saham dan kestabilan ringgit, katanya mengenai langkah-langkah itu yang bertujuan menghalang ringgit daripada terus diserang spekulator.

Walaupun Malaysia percaya dengan pasaran bebas dan walaupun spekulator menyalahkan kerajaan kerana pentadbiran yang lemah, "kita tidak akan benarkan mereka menyentuh mata wang kita," katanya.

Dr Mahathir berkata pada 1 Okt ini, mereka yang memegang ringgit atau mempunyai simpanan ringgit di luar negara tidak boleh menukarkan mata wang itu bagi membeli mata wang asing lain kecuali mereka menggunakan wang itu untuk membeli aset Malaysia.

Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), yang terus melonjak naik sejak langkah-langkah itu diumumkan Selasa lepas, mencatatkan peningkatan sehari yang terbesar dalam tempoh 24 tahun semalam apabila indeks komposit (CI) meningkat 22.46 peratus atau 81.62 mata kepada 445.06.

Pada satu tahap, CI mencecah 473.49 dalam urusan niaga harian hasil daripada pembelian yang banyak manakala ringgit yang ditetapkan pada paras RM3.80 berbanding dollar, telah menstabilkannya berbanding mata wang asing yang lain.

Dengan perkembangan positif dalam pasaran, "langkah-langkah itu adalah baik," kata Dr Mahathir mengenai kawalan itu pada sesi soal jawab selepas menyampaikan ucap utama pada Persidangan Persatuan Pentadbiran dan Pengurusan Komanwel di sini yang diadakan dua tahun sekali.

Dr Mahathir juga berkata langkah-langkah mengawal mata wang itu begitu berjaya dan orang ramai kembali yakin dengan ekonomi.

"Secara umumnya, ekonomi kita semakin baik dan saya berharap ia akan berterusan," katanya.

Pada persidangan berita kemudian, semasa menjawab pertanyaan sama ada kerajaan akan membenarkan pembeli saham membuat pinjaman modal, Dr Mahathir berkata "kita akan mengawasi pasaran saham".

"Jika ia naik terlalu cepat, tidak perlu memberikan pinjaman modal, tetapi jika ia bergerak secara perlahan, kita akan memberi kemudahan pinjaman melalui bank-bank," katanya.

Mengenai kebimbangan sama ada pasaran gelap akan muncul bagi ringgit ekoran langkah-langkah pengawalan mata wang yang membuatkan ringgit tidak boleh diniagakan di luar negara, beliau berkata "ia mampu dikawal".

Mengenai pandangan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) minggu lepas bahawa langkah-langkah kawalan mata wang itu akan gagal, Dr Mahathir berkata: "Kita akan lihat sama ada ia gagal atau tidak."

"Mereka harap ia akan gagal, mereka akan berbuat apa sahaja untuk mengagalkannya," kata beliau.

"Pada masa ini, banyak orang sedang memikirkan jalan untuk cuba atau mencari jalan bagaimana mereka boleh mengecewakan Malaysia," kata Perdana Menteri.

-- BERNAMA

AA MR/DVS RHM